

**NO. SOALAN: 63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[TANAH MERAH]**

**TARIKH : 21.3.2016**

**Datuk Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [ Tanah Merah ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah langkah yang dilakukan bagi memastikan Kad Siswa 1Malaysia benar-benar memberi manfaat kepada penerima termasuklah dari segi penggunaan Baucer Buku 1Malaysia.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) telah dilancarkan pada 2 Julai 2012 bertujuan untuk **membantu meringankan perbelanjaan para siswa di institusi pengajian tinggi (IPT)** awam dan swasta di seluruh negara. Sejak pelancarannya, sebanyak **1.875** juta **KADS1M** telah diedarkan secara **percuma** kepada para pelajar IPT di seluruh Malaysia. Pemegang KADS1M layak untuk menerima **diskaun** yang ditawarkan oleh rakan dagang (*merchant*) di antara **2 peratus hingga 80 peratus** bagi pembelian barang dan perkhidmatan terpilih dan tertakluk kepada kadar, terma serta syarat yang telah ditetapkan.

Inisiatif ini **tidak melibatkan tambahan kos** kepada perbelanjaan Kerajaan. Sebaliknya penglibatan rakan dagang dalam inisiatif KADS1M adalah berbentuk **tanggungjawab sosial korporat (corporate social responsibility – CSR)** dan cetakan kad ditaja oleh Bank Rakyat. Sehingga **Februari 2016**, terdapat **402 rakan dagang** telah menyertai inisiatif KADS1M meliputi **13 segmen perniagaan**, antaranya makanan dan minuman, buku/alat tulis, penginapan dan pengangkutan serta produk/perkhidmatan kesihatan. Pemegang-pemegang KADS1M juga layak menikmati diskoun yang ditawarkan oleh **lebih 2,000 rakan dagang** di bawah **Program 1Malaysia Discount Card (1MDC)**. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) juga akan **menambah lebih banyak rakan dagang** dari masa ke semasa serta menggalakkan para pelajar dan ibu bapa untuk mengemukakan cadangan kepada KPDKKK.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Bantuan Baucar Buku 1Malaysia merupakan satu program di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Sehingga kini, pengagihan Baucar Buku 1Malaysia dibuat secara berasingan dari skop pelaksanaan KADS1M. Walau bagaimanapun, perbincangan awal telah pun dibuat di peringkat KDPNKK dan KPT bagi melihat prospek untuk mengintegrasikan Baucar Buku 1Malaysia dengan KADS1M supaya ia benar-benar boleh memberi manfaat kepada siswa.